



## **KENYATAAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang 221002 – Membersih Kawasan**, mempunyai Sijil Akuan Kewangan Bertaraf Bumiputra yang masih dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksana dan menyiapkan kerja tersebut. **KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN LONGKANG DI KAWASAN DEWAN ORANG RAMAI DAN STOR MBS:**

- |                        |                               |                              |
|------------------------|-------------------------------|------------------------------|
| 1) SIKAMAT             | 9) KOMUNITI RANTAU            | 17) TAMAN DESA MELATI, NILAI |
| 2) TAMAN TASIK JAYA    | 10) TAMAN TUANKU JAAFAR       | 18) TAMAN SEMARAK, NILAI     |
| 3) TAMAN PERWIRA       | 11) KAMPUNG LBJ               | 19) LENGGENG                 |
| 4) KG. BARU RAHANG     | 12) KAMPUNG FELDA SENDAYAN    | 20) MANTIN                   |
| 5) TAMAN ANGSAMAS      | 13) KOMUNITI BATANG BENAR     | 21) STOR GALLA               |
| 6) TAMAN KELAB TUNKU   | 14) KOMUNITI MANTAU           | 22) STOR NOZOMI              |
| 7) TAMAN SEREMBAN JAYA | 15) DATO' SHAHARDIN, LABU     | 23) STOR LABU                |
| 8) KOMUNITI MANTIN     | 16) TAMAN DESA CEMPAKA, NILAI |                              |

### **DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN.**

Dokumen akan mula dijual mulai **31 Disember 2020 sehingga 12 Januari 2021, jam 12.00 tengahari** (Dokumen tidak akan dijual selepas tarikh ini).

Segala butir dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut :-

<b>HARI</b>	<b>WAKTU</b>
Isnin - Khamis	8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.15 petang – 4.00 petang
Jumaat	8.15 pagi – 12.00 tengahari 2.45 petang – 4.00 petang

Di Jabatan Kewangan, Tingkat Bawah, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban-Tampin, 70450 Seremban.

Bayaran boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK** berharga **RM30.00** per dokumen atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seremban** sebagai bayaran Dokumen Sebutharga.

Dokumen sebutharga mengandungi **Lampiran A** dan **Lampiran B** akan dijual kepada Kontraktor atau wakilnya yang sah dan mempunyai **SURAT PENDAFTARAN ASAL** yang dikemukakan berserta salinannya. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan dokumen tidak akan dijual.

Lawatan tapak adalah diwajibkan pada **31 Disember 2020, jam 3.00 petang**. Penyebut Harga yang berminat dikehendaki berada dan berkumpul di **Dewan Majlis Bandaraya Seremban**, Jalan Yam Tuan, Seremban sebelum waktu tersebut.

Semasa menghadiri lawatan tapak, Penyebut Harga diwajibkan mengemukakan dokumen sijil **PKK/CIDB/MBS/Kementerian Kewangan Malaysia/Kad Pengenalan** yang asal serta lain-lain dokumen yang berkaitan. Pihak Penyebut Harga juga diminta menyediakan cop syarikat. Pentadbiran Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan yang dihadapi oleh pihak Penyebut Harga di dalam menjalankan kerja-kerja seperti yang telah disyaratkan oleh pihak Majlis.

**Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam surat yang dimeterikan bertulis Bil.(1) dlm. MBS/101/SH( 1 )2020 dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga di Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban-Tampin, 70450 Seremban pada atau sebelum 12 Januari 2021 jam 12.00 tengahari.**

Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Keputusan adalah muktamad.

-----  
**(HAIRULAZMI BIN MOHD ALI)**

Ketua Penolong Setiausaha  
b.p Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Seremban.

Tarikh: 28 Disember 2020